

**KEBERKESANAN KAEDAH IMITASI DALAM PENGUASAAN
PENULISAN KARANGAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

***THE EFFECTIVENESS OF IMITATION METHOD IN MASTERING
ARABIC ESSAY WRITING AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS***

Nur Addina An'umillah Nazri¹ & Harun Baharudin²

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
addina559@gmail.com¹ & harunbaharudin@ukm.edu.my²*

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of the imitation method in enhancing Arabic essay writing proficiency among secondary school students. Writing was regarded as a fundamental skill in Arabic language learning, enabling students to express ideas and emotions in an organized and coherent manner. The imitation method, which involved replicating sentence patterns, structures, and stylistic features from model texts, served as a pedagogical strategy to improve grammatical understanding, enrich vocabulary, and reduce writing errors. This quasi-experimental study employed a pre-test and post-test design involving 20 Form Four students from Maahad Saniah, Kelantan. The research instruments comprised structured essay writing tasks based on the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) format, which were administered before and after the intervention. The findings indicated significant improvement in students' writing performance, particularly in sentence structure, syntactic accuracy, and vocabulary usage. Nevertheless, challenges remained in students' ability to fully comprehend model texts, organize ideas effectively, and engage in critical thinking during the writing process. This study highlighted the potential of the imitation method as an effective instructional approach for improving Arabic writing skills at the secondary school level.

Keywords: *Imitation method, essay writing, Arabic language, secondary education, writing skills.*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah imitasi dalam meningkatkan penguasaan kemahiran penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Penulisan merupakan komponen penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia membolehkan pelajar menyusun dan mengekspresikan idea serta perasaan secara sistematik. Kaedah imitasi, yang melibatkan peniruan struktur, corak ayat, dan gaya penulisan model, bertindak sebagai strategi pedagogi yang membantu pelajar memahami penggunaan tatabahasa, memperluas kosa kata, dan mengurangkan kesalahan penulisan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan pendekatan prauji dan pascauji terhadap 20 orang pelajar Tingkatan Empat di Maahad Saniah, Kelantan. Instrumen kajian berupa ujian penulisan karangan berformat SPM menunjukkan kesahan kandungan yang tinggi serta kebolehpercayaan yang baik menerusi keputusan prauji dan pascauji yang konsisten. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam penguasaan penulisan pelajar selepas penggunaan kaedah imitasi, terutamanya dari aspek struktur ayat, sintaksis dan kosa kata. Pelajar menggunakan pelbagai teknik seperti penggantian keseluruhan ayat, penggantian leksikal dan peniruan struktur model untuk menghasilkan karangan yang lebih baik. Namun begitu, pelajar masih menghadapi cabaran seperti kekangan kosa kata, kesukaran memahami teks model dan kelemahan menyusun idea secara kritis. Kajian ini

mengesahkan potensi kaedah imitasi sebagai alat bantu efektif dalam pengajaran penulisan Bahasa Arab di peringkat menengah.

Kata kunci: *Kaedah imitasi, penulisan karangan, Bahasa Arab, sekolah menengah, penguasaan bahasa.*

PENGENALAN

Kemahiran penulisan merupakan kemahiran yang sangat penting dalam mempelajari bahasa Arab kerana dapat membantu pelajar bahasa menjadi lebih mahir dalam bahasa Arab dengan membolehkan mereka mengekspresikan idea dan perasaan secara penulisan. Penulisan juga menunjukkan kecemerlangan dan kualiti saintifik dan disiplin seseorang dan bertindak sebagai medium komunikasi yang melampaui masa dan tempat (Zulaeha & Musdalifah, 2022). Ia merupakan kemahiran produktif yang melibatkan struktur bahasa dan kosa kata, pembinaan perkataan dan ayat yang betul serta penulisan karangan (Faizal et al., 2023; Anwar, 2022). Menurut kajian oleh Zailani et al. (2015), faktor utama yang mempengaruhi penguasaan gaya penulisan bahasa Arab pelajar adalah minat pelajar, ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah. Pelajar perlu dapat menulis ayat mudah, mempunyai kosa kata yang besar, dan dapat menggunakan hadis, ayat, dan petikan lain dari Al-Quran dalam karangan mereka bagi memastikan penulisan karangan yang baik.

Imitasi dalam penulisan karangan mencakupi peniruan dari segi struktur dan corak ayat. Pelajar boleh menyerap selok-belok linguistik dan memajukan kemahiran menulis mereka dengan melakukan imitasi hasil penulisan yang baik dari pelbagai sumber seperti Internet, buku teks dan sebagainya (Guan, 2019; Gorell, 1987). Pendekatan ini berakar umbi dalam penggunaan imitasi oleh ahli akademik untuk mengajar komposisi dan retorik pada zaman dahulu (Uhlenkott, 1991). Walaupun beberapa penyelidikan menunjukkan bahawa imitasi mungkin tidak mempunyai kesan yang besar terhadap pemerolehan tatabahasa (Gupta, 1992), akan tetapi dalam penulisan, imitasi dianggap sebagai penciptaan dan bukannya peniruan semata-mata. Peniruan dalam imitasi berlaku apabila tiada perubahan besar dan penambahan nilai baharu yang dilakukan daripada sumber asal. Penciptaan pula berlaku apabila seseorang mengolah, menambah elemen baharu dan menyesuaikan dengan konteks mereka sendiri. Ini membina kefahaman yang lebih mendalam terhadap tatabahasa dan gaya penulisan.

Tambahan pula, kemahiran menulis dalam bahasa Arab adalah prasyarat yang penting untuk mengikuti kurikulum agama atau aliran arab di sekolah. Hal ini kerana, penulisan mencerminkan keupayaan pelajar dalam mengaplikasikan ilmu nahu dan sorof serta menyusun hujah dengan cara yang teratur. Jadi, pelajar Melayu perlu mahir dalam bahasa Arab untuk berjaya dalam akademik, namun ini masih merupakan tugas yang sukar kerana penulisan memerlukan pelbagai kebolehan linguistik untuk disepadukan (Norfazirah et al., 2019). Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zahri dan Muhammad Haron (2017) mendapati penguasaan penulisan karangan dalam kalangan Sekolah Menengah Agama (SMA) di Malaysia masih berada pada tahap yang lemah. Penguasaan kemahiran bahasa Arab adalah sangat mencabar kerana tatabahasa yang rumit dan abjad yang berbeza dengan bahasa ibunda sering mengakibatkan kesilapan ejaan, frasa, dan pembinaan ayat (Wildi, 2022). Hal ini juga disebabkan kerana pelajar menghadapi cabaran untuk merumuskan dan melaksanakan kaedah/ peraturan secara bertulis kerana struktur linguistik Arab jauh berbeza daripada bahasa ibunda banyak pelajar, terutamanya dari segi tatabahasa (nahu dan sorof) (Anin et al., 2022). Pelajar selalunya mengalami masalah kesilapan tatabahasa,

pemilihan kosa kata yang tidak betul, dan kesilapan budaya dalam penulisan mereka, yang disebabkan oleh kurangnya pemahaman dan penguasaan kosa kata dan tatabahasa Arab (Muhammad Fadhlan et al., 2021). Mempelajari nahu dan sorof adalah penting untuk dapat membaca, menulis, dan menterjemahkan bahasa Arab. Nahu/ sintaksis memfokuskan kepada struktur gramatikal bahasa Arab termasuk kedudukan kata dalam perkataan bahasa Arab dan penentuan pada akhir kata (*i'rab*) (Mualif, 2019). Sorof/ morfologi bahasa Arab membantu dalam memahami struktur kata dan pembentukan serta perubahan kata dalam bahasa Arab dan memungkinkan untuk memahami teks-teks bahasa Arab (Muhajirun, 2019).

Dengan menggunakan kaedah imitasi yang berakar umbi dari Teori Pembelajaran Sosial (Social Learning Theory), terdapat potensi untuk membantu pelajar dalam pembinaan ayat dengan meniru ayat-ayat bahasa Arab seperti ayat al-Quran. Imitasi menjadi satu topik yang penting kerana keberkesanannya dalam meningkatkan pembelajaran bahasa terutama dalam penulisan karangan yang mana ramai pelajar menghadapi kesulitan dalam kemahiran menulis. Kaedah imitasi dapat meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Arab pelajar secara signifikan dalam penulisan perenggan (fakroh) dan teks bebas (kitabah hurriyah) (Yayan, 2011). Akan tetapi, setakat pembacaan perpustakaan yang dilakukan pengkaji, keberkesanan kaedah imitasi dalam memupuk kemahiran dalam tulisan Arab di kalangan pelajar di SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama) tetap menjadi topik yang belum mendapat penelitian yang meluas.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah imitasi terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar SMKA. Seterusnya, pengkaji ingin mengkaji kesan penggunaan imitasi dalam mempengaruhi penguasaan aspek sintaksis, kosa kata, dan struktur dalam karangan bahasa Arab. Akhir sekali, kajian bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi semasa menggunakan kaedah imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab.

SOROTAN LITERATUR

Dalam sistem pendidikan formal, kemahiran penulisan memainkan peranan yang penting sebagai medium utama untuk menilai tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Penulisan bukan sahaja menjadi alat pentaksiran yang berstruktur, malah ia turut berfungsi sebagai wadah untuk pelajar mengorganisasi, mengolah dan meluahkan idea secara sistematik dan terarah. Menurut Mohd Uzaini dan Muhammad (2017), penulisan membolehkan guru mengukur kecekapan pelajar dalam aspek kognitif, linguistik dan pemikiran kritis melalui hasil kerja bertulis yang dihasilkan. Keistimewaan penulisan terletak pada kebolehannya untuk merentasi batasan masa dan tempat—iaitu seseorang pelajar boleh mengekspresikan pengetahuan, pandangan atau hujahnya secara mendalam tanpa tekanan waktu sepertimana dalam ujian lisan. Oleh itu, penulisan bukan sekadar alat pentaksiran semata-mata, tetapi turut mencerminkan tahap kematangan intelektual dan keupayaan komunikasi akademik seseorang pelajar.

Penulisan karangan bahasa Arab adalah kemahiran penting yang diajar dalam pembelajaran bahasa Arab pada setiap peringkat pembelajaran samada semasa di sekolah ataupun pada peringkat pengajian yang lebih tinggi. Keupayaan menulis perkataan dan frasa dengan tepat mengikut norma penulisan Arab, dan keupayaan untuk menyampaikan idea dalam bentuk karangan adalah dua komponen kebolehan menulis yang penting dalam konteks mempelajari bahasa Arab. Cara menulis atau membentuk perkataan dan frasa dengan betul mengikut peraturan bahasa Arab yang dikenali sebagai *Qawaidul Imla'* (Anwar, 2022). Dengan mengasah kemahiran penulisan bahasa Arab, pelajar mempunyai keupayaan untuk menyampaikan idea, perasaan, dan pemikiran mereka

dengan cara yang berstruktur melalui penulisan karangan dalam bahasa Arab. Oleh kerana tradisi sastra yang kaya dan kerumitan nahu dan sorof bahasa Arab, kemahiran ini amat penting (Faezal et al., 2023). Penguasaan ilmu nahu dan sorof yang mencukupi diperlukan untuk membaca, menulis, dan menterjemahkan dengan baik teks Arab. Karangan memberi peluang kepada pelajar dalam mempraktikkan konsep tatabahasa yang telah dipelajari (Anin et al., 2023). Hal ini menunjukkan bahawa karangan yang ditulis dalam bahasa Arab merupakan komponen yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di sekolah kerana ia meningkatkan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, dan kemahiran bahasa.

Ketika pelajar bukan natif cuba menulis dalam format gaya Arab, mereka menghadapi banyak cabaran. Cabaran ini termasuk kesilapan dalam tulisan Arab yang disebabkan oleh gangguan dan penyimpangan bahasa yang timbul apabila unsur-unsur bahasa asalnya dimasukkan ke dalam bahasa Arab. Penyimpangan bahasa termasuk kesilapan yang berlaku dalam sintaksis, fonologi, morfologi, dan kultural semasa pembelajaran dan penterjemahan. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pemahaman pelajar dalam struktur bahasa sasaran yang dipelajari (Hibatul et al., 2023).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kemahiran menulis merupakan antara kemahiran produktif yang perlu dikuasai oleh pelajar kerana ia melibatkan proses mengolah, menyusun, dan mengekspresikan pemikiran secara bertulis dengan menggunakan struktur bahasa yang tepat. Secara umum, terdapat beberapa objektif utama mengapa kemahiran menulis harus diberi perhatian serius dalam kurikulum pengajaran bahasa Arab. Menurut Dedi (2021), tujuan penguasaan kemahiran menulis merangkumi empat dimensi penting. Pertama, pelajar perlu menguasai aspek teknikal penulisan, iaitu kebolehan untuk menulis perkataan dan ayat dalam bahasa Arab dengan tepat dan mahir. Kedua, penulisan berfungsi sebagai medium untuk mengintegrasikan pelbagai pengetahuan yang telah dipelajari dalam bentuk yang teratur dan tersusun. Ketiga, kemahiran menulis juga menggalakkan pengaktifan seluruh pancaindera pelajar, terutamanya dalam penggunaan bahasa secara aktif melalui proses mendengar, melihat, memberi perhatian, bertutur dan menganalisis. Keempat, pelajar didorong untuk menulis menggunakan gaya bahasa mereka sendiri, sekaligus membina kecekapan berfikir dan keaslian dalam penghasilan karangan.

Bagi menghasilkan karangan yang berkualiti dalam bahasa Arab, terdapat beberapa aspek asas yang perlu dikuasai oleh pelajar. Faezal et al. (2023) menekankan bahawa dua elemen utama dalam pembinaan karangan ialah penguasaan terhadap *al-qawa'id*, yang merangkumi tatabahasa nahu (sintaksis) dan sorof (morfologi), serta kemahiran *imla'* dan *khat*, iaitu kemampuan mengeja dan menulis huruf Arab dengan betul serta menghasilkan tulisan yang kemas dan jelas. Nahu dan sorof membantu dalam pembentukan ayat yang gramatis dan bermakna, manakala kemahiran *imla'* dan *khat* memastikan bentuk tulisan dapat difahami dan menepati estetika tulisan Arab.

Secara lebih terperinci, unsur-unsur penulisan karangan dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada empat komponen utama. Pertama, *al-kalimah*, yang merujuk kepada penguasaan dan penggunaan kosa kata Arab secara tepat dan bersesuaian dengan konteks. Kedua, *al-jumlah*, iaitu aspek struktur ayat yang menekankan keperluan ayat yang lengkap dan koheren dari sudut sintaksis. Ketiga, *al-faqroh*, atau keupayaan menyusun perenggan dengan logik dan kesinambungan idea yang baik. Keempat ialah *uslub*, iaitu gaya bahasa atau gaya penulisan yang digunakan untuk mewarnai karangan agar lebih berkesan dan menarik perhatian pembaca. Penguasaan terhadap keempat-empat unsur ini bukan sahaja membantu dalam penghasilan karangan yang baik, tetapi juga mencerminkan kematangan berbahasa serta tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab secara keseluruhan.

Justeru, penghasilan karangan yang baik perlu kepada pemilihan kosa kata yang betul untuk meningkatkan kejelasan dan ketepatan dalam penulisan, yang membantu dalam komunikasi secara berkesan. Kebolehbacaan penulisan dan struktur ayat dapat dipertingkatkan melalui penggunaan kosa kata yang luas dan ini membolehkan pelajar membina ayat yang pelbagai dan kompleks. Dengan ini, idea dalam penulisan dapat diekspresikan dengan baik serta menjadikan penulisan lebih berkesan dan meyakinkan (Zulaeha & Musdalifah, 2022). Grafologi (*imla'* dan *khat*) juga harus dikuasai lebih-lebih lagi bagi bukan penutur natif bahasa Arab yang menggunakan huruf latin/ roman dalam penulisan mereka (Faezah et al., 2023).

IMITASI

Imitasi (*imitation*) yang juga dikenali sebagai *mimesis*, berasal dari falsafah Platonik dan Aristotle, di mana ia merujuk kepada tindakan meniru atau menghasilkan semula melalui seni bertulis dan visual (Frona, 2013). Konsep imitasi digunakan secara meluas dalam bidang retorik dan kesusasteraan merentasi semua genre, mengandungi penggabungan unsur-unsur penulis dari karya-karya sebelumnya untuk menunjukkan pengakuan dan rasa terima kasih mereka terhadap penulis masa lalu. Wacana teori kuno menekankan bahawa imitasi yang berkesan memerlukan lebih daripada replikasi sahaja, mengesyorkan emulasi banyak model, integrasi yang lancar antara bahan tiruan dengan bahan sendiri, dan peningkatan dan penyesuaiannya dengan konteks yang berbeza (Frona, 2013). Imitasi bukan sekadar menyalin dengan betul tetapi juga melibatkan menyesuaikan kerangka kerja, idea, atau teknik penulisan berdasarkan contoh, yang boleh meningkatkan kreativiti dan kemahiran menulis pelajar dengan ketara (Norfazirah et al., 2019).

Terdapat banyak teknik imitasi yang boleh digunakan dalam penulisan karangan atau frasa bahasa Arab. Ada dalam kalangan pelajar menggunakan hafalan ayat-ayat al-Quran sebagai teknik asas dalam membina ayat bahasa Arab. Mereka memanfaatkan pengetahuan yang sedia ada untuk membina ayat dengan meniru struktur ayat al-Quran dengan memberi tumpuan kepada penggunaan kata kerja dan kata nama yang tepat. Ia merupakan proses yang mencabar kerana wujudnya perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa ibunda mereka (Norfazirah et al., 2020). Di samping itu, terdapat juga teknik hafalan tiruan (*mimicry memorization*) di bawah kaedah imitasi. Teknik ini memerlukan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam latihan bahan yang mereka pelajari, merangkumi perkataan, frasa, atau ayat. Pendekatan ini melibatkan guru memberi arahan kepada pelajar untuk meniru dan mengulangi bahan bahasa dengan bantuan guru atau alat audio-visual, untuk meningkatkan pengekodan memori jangka panjang dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan maklumat yang diperoleh. Kaedah ini terbukti sangat bermanfaat bagi individu yang baru dalam bahasa dan sedang dalam proses memahami kosa kata asas (Nor Afifah et al., 2020). Selain itu, antara teknik imitasi yang kerap digunakan pelajar berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nur Hafizah (2015) adalah Imitasi Model (*Model imitation*), Teknik Penggantian Leksikal (*Lexical Replacement*) dan Teknik Penggantian Keseluruhan Ayat (*Replacement Overall Verse*).

Social Cognitive Theory (SCT), yang sebelum ini dikenali sebagai *Social Learning Theory* (SLT), merupakan kerangka teori yang memberi penekanan terhadap pembelajaran yang berlaku dalam konteks sosial melalui pemerhatian dan interaksi. Teori ini diasaskan oleh Albert Bandura (1977), yang menegaskan bahawa individu bukan hanya pasif menerima pengetahuan, tetapi juga aktif dalam memerhati, meniru, dan membentuk semula tingkah laku berdasarkan apa yang dilihat daripada model sosial di sekeliling mereka. Dalam konteks pendidikan bahasa, khususnya dalam

pembelajaran penulisan karangan Bahasa Arab, teori ini memberikan asas yang kukuh kepada pendekatan pengajaran berbentuk *imitasi* atau peniruan struktur teks dan gaya bahasa.

Menurut Bandura (1977), proses pemerhatian yang membawa kepada pembelajaran terdiri daripada empat fasa utama: perhatian, pengekalan, penghasilan semula motor, dan motivasi. Dalam pembelajaran karangan, pelajar mula-mula memberi perhatian kepada contoh model karangan yang ditampilkan oleh guru. Seterusnya, mereka menyimpan maklumat linguistik yang diperhatikan seperti struktur ayat, susunan perenggan, penggunaan kosa kata dan gaya bahasa. Pada tahap pengekalan ini, pelajar mula memahami corak bahasa dan logik penulisan yang disampaikan. Kemudian, mereka akan menghasilkan semula penulisan dengan meniru struktur tersebut dalam penghasilan karangan sendiri, sebelum akhirnya dimotivasikan oleh maklum balas guru atau hasil yang diperoleh untuk mengekalkan atau memperbaiki prestasi mereka.

Aplikasi SCT dalam konteks ini juga memberi penekanan terhadap konsep pemodelan (*modelling*), di mana guru atau teks contoh berperanan sebagai model yang menunjukkan bentuk karangan yang betul dan efektif. Melalui kaedah imitasi, pelajar tidak hanya menghafal struktur ayat tetapi juga meniru secara aktif gaya penyampaian, logik susunan hujah dan penggunaan tatabahasa yang betul. Bandura turut menekankan bahawa pemodelan yang berkesan perlu disertai dengan maklum balas pembetulan (*corrective feedback*), yang membolehkan pelajar menyedari kesilapan dan membuat pengubahsuaian terhadap penulisan mereka.

Lebih penting lagi, SCT menyokong pendekatan pembelajaran yang bersifat interaktif dan kolaboratif. Dalam kelas penulisan Bahasa Arab, pelajar yang meniru karangan model bukan sahaja belajar secara individu tetapi turut mendapat manfaat daripada pemerhatian terhadap hasil rakan sekelas, perbincangan kumpulan, dan pembetulan bersama. Ini menjadikan proses pembelajaran lebih dinamik dan bersifat sosial, selaras dengan prinsip SCT bahawa tingkah laku baharu lebih mudah diperoleh apabila individu dikelilingi oleh persekitaran yang menyokong pembelajaran tersebut.

Justeru, kaedah imitasi dalam penulisan karangan Bahasa Arab bukan sahaja menepati keperluan pedagogi dalam aspek linguistik, tetapi juga mempunyai asas psikologi yang kukuh berpandukan teori pembelajaran sosial Bandura. Pelaksanaan kaedah ini dapat memperkukuh pemerolehan bahasa pelajar melalui pemerhatian sistematik, peniruan aktif, dan maklum balas konstruktif, sekaligus menjadikannya sebagai pendekatan yang berpotensi tinggi dalam pengajaran penulisan bahasa kedua seperti bahasa Arab.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan prauji dan pascauji sampel kajian. Reka bentuk kuasi-eksperimental melibatkan intervensi sesuatu bagi menentukan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar dapat memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar (Damasceno, 2020). Dengan ini, pengkaji dapat menyiasat kesan rawatan (intervensi) terhadap hasil tertentu. Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar adalah kaedah imitasi dan pemboleh ubah bersandar pula adalah kemahiran menulis karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sampel kajian yang digunakan adalah 20 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah di Kelantan, Maahad Saniah.

Berdasarkan reka bentuk kuasi-eksperimen yang dijalankan, penggunaan 20 orang pelajar sebagai sampel kajian dianggap mencukupi bagi kajian berskala kecil yang menilai kesan intervensi pendidikan, terutamanya apabila kajian dilaksanakan dalam persekitaran terkawal tanpa kumpulan kawalan. Reka bentuk ini turut digunakan oleh Cer (2019) yang melibatkan 44 pelajar sekolah menengah dalam kajian kesan strategi metakognitif terhadap penulisan, serta Al-Jarrah et al. (2019) yang menggunakan 22 pelajar bagi menilai kesan strategi metakognitif terhadap prestasi penulisan pelajar Arab. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa saiz sampel kecil dalam reka bentuk kuasi boleh menghasilkan dapatan yang sah apabila dilaksanakan dengan sistematik dan tertumpu. Dalam konteks kajian ini, demografi pelajar terdiri daripada 20 orang pelajar Tingkatan Empat di Maahad Saniah, Kelantan, iaitu sebuah sekolah menengah agama. Walau bagaimanapun, jantina pelajar tidak dinyatakan secara khusus, dan aspek ini wajar diperincikan dalam kajian lanjutan bagi membolehkan analisis yang lebih menyeluruh. Pemilihan pelajar dari tahap dan institusi yang seragam turut menyumbang kepada kestabilan data dan kesahihan dalaman kajian meskipun saiz sampel adalah terhad.

Instrumen yang digunakan adalah ujian penulisan karangan Bahasa Arab sebelum dan selepas penggunaan kaedah imitasi. Penulisan karangan dipilih sebagai instrumen kajian kerana ia merupakan kemahiran literasi akademik utama dan bagaimana penggunaan bahasa pelajar kerana ujian penulisan karangan dapat menilai keupayaan pelajar untuk menggunakan bahasa dengan tatabahasa dan struktur yang betul. Tajuk karangan bagi menjalankan ujian pra dan pasca dalam kajian ini diambil dari buku latihan tingkatan empat yang berformatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Instrumen kajian ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi kerana menggunakan ujian penulisan karangan berdasarkan format Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu satu format penilaian standard yang menepati kehendak kurikulum dan keperluan sebenar pelajar sekolah menengah. Pemilihan format ini memastikan bahawa tugas yang diberikan mencerminkan kemahiran penulisan yang ingin diukur, khususnya dari aspek struktur ayat, penggunaan sintaksis, dan kosa kata. Dari sudut kebolehpercayaan pula, instrumen ini menunjukkan tahap kebergantungan yang baik melalui pelaksanaan ujian prauji dan pascauji ke atas sampel yang sama, iaitu 20 orang pelajar. Perbandingan dapatan sebelum dan selepas intervensi membuktikan konsistensi keputusan yang diperolehi, terutamanya dalam pengurangan kesalahan tatabahasa, kosa kata dan struktur ayat. Di samping itu, kaedah analisis manual terhadap 40 karangan membolehkan penilaian dijalankan dengan teliti dan sistematik, sekaligus menyokong ketekalan instrumen yang digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menganalisis dan membentangkan dapatan kajian yang dianalisis secara manual dari hasil 40 karangan yang dikumpulkan dari 20 sampel kajian. Berdasarkan daripada ujian karangan yang telah dijalankan, data yang dikumpulkan merangkumi penguasaan pelajar dalam aspek sintaksis, kosa kata, dan struktur dalam karangan bahasa Arab.

KAEDAH IMITASI YANG DIGUNAKAN

Penggantian Keseluruhan Ayat

Berdasarkan data yang dikumpul, terdapat responden yang menggunakan penggantian keseluruhan ayat karangan model ke dalam karangan mereka. Karangan model yang disediakan

kepada mereka bermula dengan “ يكون التواصل بين الأفراد في هذا العصر أسهل وأسرع. وذلك يكون شبكة الإنترنت ”. Maksud ayat di atas adalah “Komunikasi antara individu pada era ini adalah lebih mudah dan pantas. Ini menjadikan Internet sebagai medium moden.” Responden menggantikan ayat dari model karangan secara keseluruhan dengan ayat “ أصبح الإنترنت جزءاً أساسياً ”. Ayat tersebut membawa maksud “Dalam era sekarang, Internet telah menjadi bahagian penting dalam kehidupan seharian kita, ciri yang paling menonjol adalah menyediakan maklumat dengan cepat dan mudah.”

Penggantian Leksikal

Selain itu, berdasarkan data yang dianalisis, terdapat responden yang kaedah imitasi dengan menggantikan beberapa leksikal dalam ayat karangan model ke karangan sendiri. Contohnya, ayat “ يكون التواصل بين الأفراد في هذا العصر أسهل وأسرع. وذلك يكون شبكة الإنترنت وسيلة حديثة ”. Responden hanya menukar perkataan “الأفراد” kepada “الإنسان” yang membawa maksud individu atau orang dan perkataan “وسيلة حديثة” diganti dengan “وسيلة” yang membawa maksud luas. Perkataan “ضرورية” yang bermaksud “penting” diganti dengan “مهمة”.

Imitasi Model

Tambahan pula, berdasarkan data yang dianalisis, responden kajian juga menggunakan kaedah imitasi model boleh dilihat dari responden yang menggunakan struktur ayat yang sama dengan model karangan yang diberikan. Ayat dari model karangan “ ومن مساوئ الإنترنت صعوبة التحقق من المعلومات الصحيحة والأخبار الواقعية حيث تكثر المعلومات المختلفة في المجالات العلمية والعملية والدينية ” yang bermaksud “Salah satu keburukan Internet adalah kesukaran untuk mengesahkan maklumat yang betul dan berita fakta, kerana banyak maklumat yang berbeza dalam bidang ilmiah, praktikal, dan agama.” Responden menulis ayat yang seakan-akan sama dengan ayat dari model karangan dan memberi makna yang sama. Ayat yang responden gunakan adalah “ ومن مساوئ الإنترنت صعوبة التحقق من المعلومات وتكثر الأخبار السيئة في المجالات العلمية والعملية والدينية ” yang bermaksud “Salah satu keburukan Internet adalah kesukaran untuk mengesahkan maklumat yang betul dan banyaknya berita salah dalam bidang saintifik, praktikal dan agama.” Responden menggunakan gaya bahasa, struktur ayat dan kosa kata dari model karangan dan hanya mengubah beberapa perkataan sahaja untuk memberikan makna yang sama dengan model karangan.

Aspek Sintaksis

Berdasarkan data yang dikumpul, terdapat beberapa kesalahan yang responden lakukan dari segi sintaksis yang merupakan perkara yang sangat penting dalam sesuatu penulisan dan pembelajaran bahasa.

Antara kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh responden sebelum menggunakan kaedah imitasi adalah:

1. Terdapat kesalahan dari segi *jama'* di mana perkataan untuk perkara yang banyak tidak dijama'kan seperti perkataan “سلبية” sepatutnya digantikan dengan perkataan “سلبيات” untuk memberi maksud banyak keburukan.

2. Ayat responden “والمساعدة على التواصل عبر المسافات طويلة” perlu digantikan dengan “وتعزيز التواصل” yang bermaksud “Dan tingkatkan komunikasi dalam jarak yang jauh” yang perlu dimasukkan “ال” ke dalam dua-dua perkataan kerana mengikut hukum *na’at* dan *man’ut*.

Antara kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh responden setelah menggunakan kaedah imitasi adalah:

1. “تعتبر الإنترنت” sepatutnya digantikan dengan “يعتبر الإنترنت” kerana perkataan internet merupakan perkataan مذكر (*muzakkar*) yang menunjukkan perkataan tersebut untuk lelaki dan *fi’il mudhari* yang digunakan haruslah menggunakan hukum مذكر dan bukannya مؤنث (*muannas*) untuk kata yang berjantina perempuan.
2. “شيء كثيرة” sepatutnya digantikan dengan “أشياء كثيرة” kerana menunjukkan bilangan lebih dari satu atau *jama’* yang membawa maksud “banyak perkara”.

Aspek Kosa Kata

Antara kesalahan aspek kosa kata responden sebelum menggunakan kaedah imitasi adalah seperti berikut:

1. Antara kesalahan kosa kata yang responden lakukan adalah dengan kesalahan ejaan seperti “يمكن” sepatutnya dibuang huruf wau menjadi “يمكن” yang bermaksud “mungkin”.
2. Terdapat juga perkataan yang tidak dieja secara lengkap seperti “الإنتر” yang ejaan lengkapnya adalah “الإنترنت”.
3. Terdapat juga pengulangan kata yang tidak perlu dan boleh digantikan dengan dhomir atau kata ganti nama di dalam ayat “يمكن للإنترنت أيضا أن يسهل على ضباط الشرطة تعقب المجرمين عبر” yang bermaksud “Internet juga boleh memudahkan pegawai polis mengesan penjenayah dalam talian dan menangkap penjenayah dengan mudah dengan menjejaki mereka”. Berlaku pengulangan perkataan “المجرمين” yang mana boleh digantikan dengan kata ganti nama “هم” menunjukkan *jama’* kepada lelaki yang ramai menjadi “عليهم”.

Antara aspek kosa kata yang boleh ditambah baik dalam karangan responden setelah menggunakan kaedah imitasi adalah seperti berikut:

1. Kosa kata “شيء كثيرة” boleh digantikan dengan “العديد من الأمور” untuk memberi maksud “perkara yang banyak” dan menyedapkan lagi ayat dalam karangan.
2. Kesalahan ejaan juga berlaku di mana terdapat huruf yang tidak perlu di dalam perkataan seperti “نستخدمها” yang sepatutnya tidak mempunyai alif. Jika perkataan tersebut digantikan dengan “استخدامها” terdapat alif diantara huruf dal dan mim.

Aspek Struktur

Struktur ayat atau susunan ayat haruslah betul dari segi nahu sorof agar ayat yang dibina menjadi ayat lengkap dan tidak tergantung. Terdapat juga responden yang tidak meletakkan tanda baca diantara ayat seperti koma dan noktah yang dilihat bahawa ayat tersebut bersambung dan tidak ada penutup kepada ayat tersebut.

Antara aspek struktur ayat yang boleh ditambah baik dalam karangan responden sebelum menggunakan kaedah imitasi adalah seperti berikut:

1. Penggunaan ayat yang responden gunakan “ولكن إساءة استخدامه يمكن أن يكون لها آثار سلبية على المستخدمين” boleh ditambah baik dengan ayat “ومع ذلك، فإن إساءة استخدامه يمكن أن تترتب عليها “آثار سلبية على المستخدمين”. Ayat ini sama-sama membawa maksud “Namun, penyalahgunaannya boleh memberi kesan negatif kepada pengguna”.

Antara aspek struktur ayat yang boleh ditambah baik dalam karangan responden setelah menggunakan kaedah imitasi adalah seperti berikut:

1. Ayat responden “ولكنه يحمل أيضا بعض المساوئ” boleh digantikan dengan mengubah beberapa perkataan bagi menyedapkan lagi ayat kepada “ومع ذلك، فإنه يحمل أيضًا بعض المساوئ” kerana noktah telah diletakkan sebelum ayat tersebut. Jadi, tambahan perkataan “ومع ذلك” boleh menekankan lagi informasi yang ingin disampaikan.

Dapatan kajian menunjukkan penurunan ketara dalam bilangan kesalahan sintaksis, kosa kata dan struktur selepas pelaksanaan kaedah imitasi. Ini membuktikan bahawa kaedah ini bukan sahaja membantu pelajar memahami struktur bahasa dengan lebih baik, malah turut memperbaiki keupayaan mereka untuk menulis dengan lebih tepat dan bermakna. Pengurangan kesalahan ini juga menunjukkan peningkatan kecekapan pelajar dalam mengenal pasti dan membetulkan kesilapan mereka secara sendiri.

Bilangan kesalahan yang pelajar lakukan dari segi sintaksis, kosa kata dan struktur sebelum dan selepas menggunakan kaedah imitasi adalah seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan kesalahan yang dilakukan pelajar sebelum dan setelah menggunakan kaedah imitasi

Bilangan Kesalahan	Prauji	Pascauji
Sintaksis	45	15
Kosa kata	60	34
Struktur	25	12

Berdasarkan jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa kaedah imitasi berkesan dalam membantu pelajar dari sedut sintaksis, kosa kata dan struktur ayat di mana kesalahan yang dilakukan berkurang sebelum dan selepas menggunakan kaedah imitasi dalam penulisan mereka. Hal ini kerana, mereka melihat model karangan dan menggunakannya sebagai rujukan utama dalam penulisan mereka dari segi susunan perkataan, kosa kata yang digunakan dan sebagainya.

Cabaran Menggunakan Kaedah Imitasi dalam Penulisan

Kajian juga mendapati pelajar menghadapi beberapa cabaran ketika menggunakan kaedah imitasi dalam penulisan karangan. Antaranya adalah terdapat responden kajian yang tidak memahami sepenuhnya perkataan dalam model karangan yang diberikan dan ini menyebabkan implimentasi model karangan kepada karangan sendiri tidak dapat dilakukan secara keseluruhan. Ada juga responden yang dapat menambah kosa kata mereka menggunakan model karangan yang diberikan supaya menjadikan karangan mereka bertambah baik.

Responden juga turut menyatakan bahawa sukar bagi mereka untuk menyusun idea walaupun terdapat model karangan untuk mereka jadikan contoh semasa penulisan. Selain itu, pelajar juga menghadapi kesukaran dalam berfikir secara kritikal dan mengalami kekangan kreativiti dan menyebabkan mereka terlampau bergantung kepada model karangan untuk menulis karangan dan tidak menghadirkan idea baru dalam penulisan mereka. Pelajar juga mempunyai

pengetahuan yang terhad terhadap kosa kata dan hal ini menyebabkan pelajar sukar untuk mengubahsuai model karangan ke dalam penulisan mereka. Kesimpulannya, kosa kata yang terhad mempengaruhi kemampuan menulis pelajar secara kreatif dan mempelbagaikan gaya bahasa serta tatabahasa yang betul dalam penulisan mereka.

KESIMPULAN

Kaedah imitasi, yang melibatkan peniruan struktur dan corak ayat, terbukti berkesan dalam membantu pelajar memahami tatabahasa dan kosa kata dengan lebih baik, serta mengurangkan kesalahan dalam penulisan mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah imitasi dapat mengatasi cabaran-cabaran ini dengan memudahkan pelajar meniru ayat-ayat yang baik dari pelbagai sumber, seperti buku teks dan bahan dalam talian. Imitasi bukan sahaja dianggap sebagai peniruan tetapi juga sebagai penciptaan semula yang melibatkan penyesuaian dan peningkatan ayat berdasarkan contoh yang diberikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan kaedah imitasi menunjukkan peningkatan signifikan dalam kemahiran menulis mereka. Mereka membuat lebih sedikit kesalahan dari segi sintaksis, kosa kata, dan struktur selepas menggunakan kaedah ini. Namun, terdapat juga cabaran dalam penggunaan kaedah ini, seperti kesukaran memahami sepenuhnya perkataan dalam model karangan, menyusun idea, dan berfikir secara kritikal.

Untuk kajian lanjutan, terdapat beberapa kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang kaedah imitasi. Pertama, kajian boleh dilakukan untuk mengkaji keberkesanan kaedah imitasi dalam pembelajaran Bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi, seperti di universiti atau dalam kalangan pelajar dewasa. Kedua, kajian lanjutan boleh menumpukan kepada kaedah imitasi dalam penulisan jenis teks lain, seperti penulisan ilmiah atau teks perbincangan. Selain itu, kajian juga boleh dijalankan untuk melihat keberkesanan kaedah imitasi dalam pembelajaran bahasa lain yang sukar, seperti Bahasa Mandarin atau Bahasa Jepun. Akhir sekali, kajian boleh difokuskan kepada pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan kaedah imitasi untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa kaedah imitasi adalah alat yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan Bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian lanjutan yang dicadangkan dapat memberikan lebih banyak maklumat tentang keberkesanan kaedah ini dalam pelbagai konteks pembelajaran dan membantu dalam pembangunan strategi pembelajaran yang lebih berkesan. Pembangunan modul pembelajaran berdasarkan pendekatan imitasi turut dicadangkan bagi menyokong pelaksanaan kaedah ini secara sistematik dalam bilik darjah.

RUJUKAN

- Al-Jarrah, T. M., Al-Jarrah, J. M., Mansor, N., & Ismail, I. (2019). Exploring the effect of metacognitive strategies on writing performance: A case study of Jordanian secondary school students. *International Journal of Education and Practice*, 7(1), 1–13.
- Anin et al. (2022). Teknik pengajaran tatabahasa arab dengan media kartu kata guna memberikan pemahaman tentang qowa'id kepada peserta didik. *Irsyaduna: Jurnal Studi Kemahasiswaan*, 2(3), 244-255.
- Anwar, M. (2022). Pembelajaran Qawaidul Imla', Konsepsi, Problematika dan Solusinya. *Tafhim Al-Ilmi Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, 14(1), 42-56.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice Hall: Englewood cliffs.

- Cer, E. (2019). The instruction of writing strategies: The effect of the metacognitive strategy on the writing skills of pupils in secondary education. *SAGE Open*, 9(2), 1–17.
- Damasceno, B. P. (2020). *Research Methods and Designs*. Research on Cognition Disorders: Theoretical and Methodological Issues, 123-137.
- Dedi M. (2021). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab: Kemahiran Al-Kitabah (Arabic Learning Strategy: Writing Skills). *Loghat Arabi: Jurnal Bahasa Arab dan Pendidikan Bahasa Arab*, 2(2), 173-191.
- Faezal H. P., Baiq U. K., Haryati, Rifki U. & Suparmanto. (2023). Strategi Pembelajaran Maharah Kitabah di Ma'had al-Jami'ah UIN. Mataram. *Al-Muyassar Journal of Arabic Education*, 2(1), 79-79.
- Fronda, M. P. (2013). *Imitation (mimesis, imitatio)*. The encyclopedia of ancient history.
- Guan, X. (2019). *The Application of Imitation in the Improvement of English Writing for ESL Learners*. 2019 2nd International Conference on Contemporary Education and Economic Development (CEED 2019), 221-227.
- Gupta, A. (1992). *Role of Imitation in Language Assessment Tests*. Teaching & Learning Faculty Publications. (ED 352 695)
- Helena, E. S., Pasuhuk, C., Natalia, F., Rantung, D. A., & Boiliu, N. I. (2022). Pendekatan Pembelajaran Sosial Dengan Teknologi Pendidikan Dalam Mendukung Proses PAK Di Era Digitalisasi: Social Learning, Educational Technology, Christian Religious Education. *Jurnal Penelitian Multidisiplin*, 1(2), 137-142.
- Hibatul W., Nur Hidayati, Faried R. H. & Muhajir. (2023). Kesalahan dan Interferensi Bahasa Pada Buku Ajar Bahasa Arab Madrasah Tsanawiyah. *Arabi: Journal of Arabic Studies*, 8(1), 95-107.
- Jin, Y. (2022). Development and Application of Social Learning Theory. *Learning & Education*, 10(7), 183-184.
- Manik, S., Sembiring, M., Padang, I., & Manurung, L. (2022). Theory of Bandura's Social Learning in The Process Of Teaching at SMA Methodist Berastagi Kabupaten Karo. *Jurnal Visi Pengabdian Kepada Masyarakat*, 3(2), 85-96.
- Mohd Uzaini M. & Muhammad Azhar Z. (2017). Kemahiran menulis jumlah Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah. *O-JIE Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20-27.
- Mualif, A. (2019). Metodologi Pembelajaran Ilmu Nahwu dalam Pendidikan Bahasa Arab. *Al-Hikmah: Jurnal Pendidikan dan Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 26-36.
- Muhajirun, N. (2019). Penerapan Pembelajaran Shorof Bagi Pembelajar Tingkat Pemula Menggunakan Metode Pemerolehan Bahasa. *Al Mahara: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(1), 117-140.
- Muhammad Fadhlan, Uril B., Ahmad F., Nur Y. S. M. & Abdul M. (2021). Linguistic Error in Writing Arabic on Students of Pondok Pesantren Al-Muhsinin Kerinci. *Abjadia: International Journal of Education* 6(1), 56-70.
- Muhammad Zahri A. K. & Muhammad Haron H. (2017). Tahap penguasaan penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(3), 24-38.
- Nor Afifah, Sunarto, Moh. F. F., Irma A. & Talqis N. (2020). The Implementation of Mimicry Memorization Method for Novice Students in Learning Arabic Mufradat. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 12(2), 263-280.
- Norfazirah, Z., Abd Rauf, H., Nik Farhan, M., & Mohd Sukki, O. (2019). Penguasaan penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 13–20.

- Nur hafizah A. A. (2015). *Penggunaan imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti*. [Tesis Sarjana, Universiti Malaya]. Universiti Malaya Repository.
- Tara Z. & Stefano L. R. (2023). Learning from a social cognitive theory perspective, 22-35.
- Uhlenkott, L. A. (1990). *Imitation: A classical art for modern composition* [Bachelor's thesis, University of Nevada, Las Vegas]. UNLV Retrospective Theses & Dissertations.
- Wildi, A. (2022). An error analysis of Arabic writing by islamic vocational high school students. *Mahakarya*, 3(2), 37-45.
- Yayan, N. (2011). Using the imitating models techniques on *insya* teaching for improving the student's writing ability in thesis. *International Journal for Educational Studies*, 4(1).
- Zulaeha, & Musdalifah. (2022). Strengthening Students' Arabic Writing Skills Through *Insyah* Muwajjah in Higher Education. *Al-Ishlah*, 14(1), 591-602.